

(P)

Tahniah dari Perdana Menteri

KUALA LUMPUR 30 April — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah menghantar ucapan tahniah kepada ketua ekspedisi kayak Encik Shahrudin Hashim yang baru-baru ini membuat ekspedisi dari Pulau Pinang ke Pelabuhan Kelang.

Menurut jurucakap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini hari ini dalam telegram yang dihantar semalam, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Saya mengucapkan tahniah kerana kejayaan saudara mengayuh kayak dari Pulau Pinang ke Pelabuhan Kelang."

"Malaysia memerlukan rakyat yang berani dan mempunyai semangat pengembaraan seperti ini," katanya.

"Satu hari kita akan ke Antartika untuk melihat warisan rakyat sedunia," tambah Perdana Menteri. Ekspedisi 18 hari itu yang berakhir Sabtu lepas,

dianggotai oleh enam orang termasuk Encik Shahrudin, 25 tahun.

Mereka ialah Encik Nor-din Hussain, 32, Encik Yassin Yaacob, 30, Encik Tee Teck Bee, 29, Encik Abdul Wahab Ibrahim, 23, dan Encik Lahadar Brahimi Mohamed, 25. — Ber-nama.